



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

SKIM KEMUDAHAN PERUBATAN PEGAWAI

Tarikh Kuatkuasa: 01 Disember 2012

**Pejabat Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Terengganu
Terengganu**

SUSUNAN PERENGKAN

PENGENALAN

1. Nama
2. Tujuan
3. Tarikh kuatkuasa
4. Pemakaian
5. Tafsiran

KELAYAKAN

6. Pegawai yang layak
7. Tanggungan yang layak
8. Pendaftaran
9. Had-had Skim

KLINIK PANEL

10. Pelantikan klinik panel
11. Pemilihan klinik panel

KEMUDAHAN RAWATAN DAN BAYARAN YANG DIBIAYAI

12. Tempat rawatan
13. Rawatan dan bayaran di hospital Kerajaan
14. Rawatan dan bayaran di klinik panel
15. Kecemasan
16. Kelayakan wad
17. Berada di luar kawasan
18. Bertugas rasmi di luar negara
19. Bercuti di luar negara
20. Rawatan pakar
21. Tuntutan perjalanan bagi rawatan di tempat lain
22. Rawatan di luar Negara
23. Bayaran pemeriksaan kesihatan
24. Bayaran bersalin
25. Bayaran rawatan pergigian
26. Bayaran ubatan

PELBAGAI

27. Bila Lembaga Perubatan boleh dipanggil
28. Kes-kes luar biasa
29. Pindaan dsb.

PENGENALAN

Nama	1. Skim ini dinamakan Skim Kemudahan Perubatan Pegawai Universiti Malaysia Terengganu.
Tujuan	2. Skim ini menetapkan kemudahan-kemudahan perubatan yang dibiayai oleh Universiti Malaysia Terengganu untuk pegawai dan tanggungannya serta kaedah pentadbiran berkaitan dengannya.
Tarikh Kuatkuasa	3. Skim ini berkuatkuasa mulai 1 Disember 2012
Pemakaian	4. Peruntukan-peruntukan dalam Skim ini adalah terpakai bagi semua pegawai yang layak melainkan jika ada dinyatakan selainnya dalam syarat-syarat pelantikan seseorang pegawai atau dalam syarat-syarat pemberian biasiswa atau cuti belajar.
Tafsiran	5. "ANAK" bermaksud anak-anak yang ditanggung sepenuhnya termasuk anak tiri atau anak angkat yang sah dari segi undang-undang dengan syarat bahawa anak itu: i. berumur tidak lebih daripada 18 tahun (kecuali anak yang masih menerima pendidikan secara sepenuh masa disyaratkan berumur tidak lebih daripada 21 tahun dan anak yang daif tidak dikenakan had umur); dan ii. tidak bekerja; dan iii. tidak berkahwin. "ANAK YANG DAIF" bermaksud anak istimewa yang mengalami kelemahan otak atau spastik yang masih di bawah tanggungan seperti yang ditetapkan dan diperakukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan belum berkahwin, had-had umur tidak akan dipakai. "DOKTOR PANEL" bermaksud seorang doktor perubatan yang bertauliah dan bertugas di klinik panel yang dilantik oleh Universiti. "DOKTOR SWASTA" bermaksud seorang doktor perubatan atau doktor pergigian berdaftar yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia. "HOSPITAL KERAJAAN" bermaksud mana-mana hospital kerajaan di Malaysia termasuk hospital Universiti, klinik Kerajaan, Yayasan Perubatan Persekutuan dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). "HOSPITAL SWASTA" bermaksud mana-mana hospital/klinik swasta yang menyediakan khidmat keperluan dalam bidang

perubatan tertentu.

"IBU BAPA" bermaksud ibu kandung atau bapa kandung atau ibu tiri atau bapa tiri atau ibu angkat atau bapa angkat yang pertalian kekeluargaan adalah sah di sisi undang-undang.

"KECEMASAN" bermaksud mana-mana kes kritikal yang mengancam nyawa seperti cedera parah, kemalangan serius, kesukaran bernafas, pendarahan yang teruk, tidak sedarkan diri dan keadaan pesakit yang mengganggu ketenteraman orang lain atau membahayakan dirinya atau orang lain.

"KELUARGA PEGAWAI" bermaksud bagi pegawai lelaki, isteri atau isteri-isteri dan anak-anaknya dan bagi pegawai perempuan suami dan anak-anaknya.

"KLINIK PANEL UNIVERSITI" bermaksud mana-mana klinik swasta yang dilantik oleh Universiti untuk memberi khidmat perubatan kepada pegawai dan tanggungan kecuali ibu bapa.

"LEMBAGA" bermaksud Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Terengganu.

"LEMBAGA PERUBATAN" bermaksud sebuah Lembaga Perubatan yang ditubuhkan bagi mengkaji, mencadangkan dan membuat laporan tentang penyakit yang dihidapi oleh pegawai bagi menentukan kelayakan cuti atau persaraan atas sebab-sebab kesihatan.

"NAIB CANSOLOR" bermaksud Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu.

"PEGAWAI PERUBATAN" bermaksud seorang doktor perubatan atau doktor pergigian berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia.

"PEGAWAI PERUBATAN UNIVERSITI" bermaksud seorang doktor perubatan atau doktor pergigian Universiti yang berkhidmat di Universiti Malaysia Terengganu.

"PEGAWAI" bermaksud seseorang kakitangan Universiti Malaysia Terengganu yang layak menerima faedah kemudahan perubatan mengikut perenggan 6;

"PENYAKIT KRONIK" bermaksud penyakit yang memerlukan rawatan berterusan seperti kencing manis, darah tinggi, asma kronik, tibi dan apa-apa penyakit yang diperakukan sebagai

kronik oleh Pegawai Perubatan.

“**PESARA**” bermaksud pegawai yang bersara di bawah Akta Pencen yang berkuatkuasa.

“**UNIVERSITI**” bermaksud Universiti Malaysia Terengganu.

KELAYAKAN

Pegawai Yang Layak

6. Pegawai yang layak mendapat faedah di bawah Skim ini adalah seperti berikut:
 - 6.1 lantikan tetap, kontrak (merujuk kepada lantikan secara contract of service dan contract for service), pinjaman dan sementara
 - 6.2 Pesara (tidak termasuk rawatan di klinik panel)
 - 6.3 Mana-mana pegawai lain yang syarat pelantikannya menyatakan bahawa dia layak mendapat faedah di bawah Skim Kemudahan Perubatan Pegawai
 - 6.4 Skim Latihan Akademik Muda (SLAM)

(LPU Kali ke-35 pada 6 Mac 2014)

Tanggungan Yang Layak

7. Tanggungan pegawai yang layak mendapat faedah di bawah Skim ini adalah seperti berikut:
 - 7.1 Isteri atau isteri-isteri yang sah atau suami yang sah.
 - 7.2 Anak-anak yang ditanggung sepenuhnya termasuk anak tiri atau anak angkat yang sah dari segi undang-undang dengan syarat bahawa anak itu:-
 - (a) Berumur tidak lebih daripada 18 tahun (kecuali anak yang masih menerima pendidikan secara sepenuh masa disyaratkan berumur tidak lebih daripada 21 tahun dan anak yang daif tidak dikenakan had umur);
 - (b) tidak bekerja; dan
 - (c) tidak berkahwin.
 - 7.3 Ibu bapa kepada pegawai tetap sahaja (Kemudahan dihadkan kepada rawatan di hospital Kerajaan sahaja).

Pendaftaran

8. Walau apapun peruntukan perenggan 6 dan 7, seseorang pegawai, keluarga dan ibu bapa boleh mendapat faedah

kemudahan perubatan di bawah Skim ini hanya setelah mereka didaftarkan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Universiti.

Had-had Skim

9. Faedah-faedah yang layak diperolehi di bawah Skim ini oleh pegawai serta keluarga adalah terhad kepada kemudahan rawatan di hospital Kerajaan dan klinik panel.

Ibu bapa kepada pegawai tetap adalah terhad kepada kemudahan rawatan di hospital Kerajaan sahaja.

KLINIK PANEL

Pelantikan klinik panel

10. Bagi maksud Skim ini, Universiti melantik suatu panel terdiri daripada beberapa buah klinik swasta (yang dengan pelantikan itu dikenali sebagai "Klinik Panel") untuk memberi khidmat rawatan pesakit luar di bawah Skim ini.

Rawatan klinik panel

11. Pegawai layak mendapatkan rawatan di mana-mana klinik panel yang telah dilantik.

(MPU Kali ke-126 pada 6 Disember 2014)

KEMUDAHAN RAWATAN DAN BAYARAN YANG DIBIAYAI

Tempat rawatan

12. Pegawai dan keluarga yang layak boleh mendapatkan rawatan di klinik panel, pusat kesihatan di universiti atau di hospital Kerajaan. Manakala bagi pesara, mereka boleh mendapatkan kemudahan rawatan di pusat kesihatan di universiti atau di hospital Kerajaan.

Bagi ibu bapa kepada pegawai tetap, mereka hanya layak untuk mendapatkan rawatan di hospital/klinik kerajaan sahaja.

Rawatan dan bayaran di hospital Kerajaan

13. Pegawai, keluarga atau ibu bapa kepada pegawai tetap yang memerlukan rawatan perubatan di hospital Kerajaan hendaklah mendapatkan Surat Jaminan Hospital. Surat tersebut hanya sah digunakan bagi tempoh tiga bulan dari tarikh dikeluarkan.

Rawatan yang boleh diperolehi di hospital kerajaan adalah tertakluk kepada pekeliling dan surat pekeliling yang berkuatkuasa.

Bayaran bagi rawatan perubatan yang dibenarkan adalah ditanggung oleh Universiti.

Rawatan dan bayaran di klinik panel

14. Rawatan yang boleh diperolehi di klinik panel adalah:
 1. perundingan atau pemeriksaan yang dilakukan oleh doktor sama ada di klinik panel atau jika benar-benar perlu kerana

keuzuran, di rumah pegawai.

2. ubat dan suntikan yang dipreskripsikan oleh doktor panel bagi pegawai atau keluarganya serta ubat-ubat tambahan seperti dalam kes darah tinggi, alergi, asthma, diabetes, dan penyakit lain yang perlu rawatan berterusan. Ubat dan suntikan bagi tujuan bersalin di klinik panel/swasta tidak akan ditanggung oleh universiti.
3. Bayaran bagi vitamin-vitamin, bekalan susu, pil-pil menggemukkan atau menguruskan badan dan sebagainya tidak ditanggung oleh Universiti kecuali bagi tujuan rawatan penyakit.
4. pembedahan kecil, rawatan pra-natal dan pemeriksaan makmal yang diperakukan sebagai perlu oleh doktor panel.

Bayaran bagi rawatan di klinik bukan klinik panel pilihan tidak dibenarkan dan tiada bayaran balik akan diberikan, kecuali bagi kes kecemasan (rujuk perenggan 16).

Kecemasan

15. Dalam keadaan kecemasan, pegawai dan keluarganya boleh mendapatkan rawatan di klinik panel bukan pilihan atau klinik swasta. Doktor yang merawat dikehendaki membuat suatu perakuan serta mengesahkan tentang keadaan kecemasan tersebut.

Kelayakan wad

16. Pegawai, keluarga dan ibu bapa kepada pegawai tetap layak mendapat kemudahan wad mengikut kelas-kelas yang ditetapkan di **Jadual 1**. Tiada bayaran wad dikenakan.

Jika pegawai, keluarga dan ibu bapa kepada pegawai tetap memilih untuk dimasukkan ke wad yang lebih tinggi kelasnya daripada kelayakan, pegawai dikehendaki membayar pada kadar wad kelas yang lebih tinggi itu (menggunakan kadar awam).

Berada di luar kawasan

17. Pegawai yang memerlukan rawatan semasa berada di luar kawasan ibu pejabat boleh mendapatkan rawatan biasa di hospital Kerajaan atau klinik/pusat perubatan swasta. Sebarang tuntutan hendaklah disertakan dengan resit dan diperakukan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab.

(JKE Kali ke 25 (Bil.3/2009))

Bertugas rasmi di luar negara

18. Seseorang pegawai yang bertugas rasmi di luar negara tidak dibenarkan membuat tuntutan perubatan dan diwajibkan mengambil insurans perubatan asas. Bayaran premiumnya akan ditanggung oleh Universiti. Semua tuntutan bayaran bagi rawatan perubatan hendaklah dikemukakan kepada syarikat insurans yang

berkenaan.

Bercuti di luar Negara

19. Pegawai yang bercuti di luar negara atau yang dibenarkan ke luar negara semasa menjalani cuti sabatikal tempatan adalah tidak layak membuat sebarang tuntutan perubatan dan dinasihatkan agar membuat aturan sendiri untuk mendapatkan perlindungan insurans perubatan bagi tempoh mereka berada di luar negara. Pihak universiti tidak akan menanggung bayaran premium tersebut.

Rawatan pakar

20. Pegawai, keluarga atau ibu bapa kepada pegawai tetap boleh mendapat khidmat perundingan dan rawatan daripada doktor pakar di hospital Kerajaan atas perakuan pegawai perubatan Kerajaan, pegawai perubatan Universiti atau doktor panel. Rawatan pakar yang diterima dari hospital atau klinik swasta tidak dibiayai oleh Universiti.

Walau bagaimanapun, sekiranya disahkan oleh pihak berkuasa di hospital Kerajaan bahawa kemudahan rawatan pakar tidak boleh didapati di hospital Kerajaan, pegawai, keluarga atau ibu bapa kepada pegawai tetap itu boleh mendapatkan khidmat perundingan dan rawatan pakar di hospital atau klinik swasta dengan persetujuan Naib Canselor. Universiti akan membayar semua bayaran yang dikenakan mengikut kadar kelayakan wad masing-masing.

Rawatan di tempat lain

21. Sekiranya pihak berkuasa hospital Kerajaan di kawasan ibu pejabat tempat lain seseorang pegawai mengesahkan bahawa pegawai, keluarga atau ibu bapa kepada pegawai tetap perlu mendapat rawatan di tempat lain, maka pegawai atau tanggungannya itu boleh mendapat rawatan di tempat lain yang diperakukan oleh pihak berkuasa tersebut serta menuntut elaun-elaun menurut peraturan-peraturan yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Rawatan di luar negara

22. Sekiranya Lembaga Perubatan yang dilantik oleh Universiti mengesahkan bahawa pegawai atau keluarga memerlukan rawatan khas yang tidak didapati di Malaysia dan mendapat pengesahan daripada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia bahawa rawatan sedemikian memang tidak boleh didapati di Malaysia, maka pegawai atau keluarga itu boleh dengan kelulusan Lembaga mendapat rawatan di luar negara atas biaya Universiti (termasuk, jika benar-benar perlu dan diperakukan oleh Lembaga Perubatan, perbelanjaan seorang lain yang mengiringinya). Bayaran yang dibiayai oleh Universiti adalah meliputi perkara-perkara yang berikut:

	22.1	Segala bayaran rawatan perubatan di hospital termasuk bayaran wad.
	22.2	bayaran sewa hotel dan elaun makan yang ditetapkan mengikut peraturan Universiti untuk tempoh yang tidak melebihi 10 hari di negara berkenaan iaitu 5 hari lagi sebelum bertolak balik ke Malaysia.
	22.3	Bayaran tambang kapal terbang pergi-balik mengikut kelayakan yang ditetapkan.
	22.4	Bayaran yang disebutkan di bawah perenggan kecil 22.2 dan 25.3 bagi pengiring jika Lembaga Perubatan yang berkenaan memperakukan bahawa pesakit perlu diiringi.
Bayaran pemeriksaan Kesihatan	23.	Bayaran pemeriksaan kesihatan (medical check-up) termasuk X-Ray akan dibiayai oleh Universiti untuk pegawai sahaja dan terhad bagi tujuan-tujuan berikut: 27.1 Pelantikan baru 27.2 Melanjutkan pelajaran di dalam atau luar negara sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar 27.3 Menghadiri kursus/latihan yang diluluskan yang pesertanya dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan 27.4 Pemeriksaan kesihatan yang dijalani atas arahan Universiti atau dengan kelulusan Naib Canselor
Bayaran bersalin	24.	Bayaran bersalin bagi pegawai atau isteri pegawai adalah ditanggung oleh Universiti sekiranya ia bersalin di hospital Kerajaan sahaja.
Bayaran rawatan Pergigian	25.	Rawatan pergigian yang dibenarkan oleh Skim ini adalah meliputi semua jenis rawatan pergigian kecuali rawatan untuk tujuan kosmetik tertakluk kepada had maksimum yang telah ditetapkan iaitu RM300.00 setahun. (LPU Kali Ke 24 Tahun 2011)
Bayaran ubat	26.	Bekalan ubat boleh didapati dari klinik panel atau hospital Kerajaan yang memberi rawatan. Jika ubat yang dipreskripsikan oleh pegawai perubatan Kerajaan, pegawai perubatan Universiti atau doktor panel perlu dibeli di farmasi swasta, tuntutan bayaran balik boleh dibuat daripada Universiti. Semua tuntutan hendaklah disertakan dengan resit rasmi dan nama pegawai perubatan atau

doktor panel yang mempreskripsikan ubat itu mestilah dicatatkan pada resit atau bil yang berkenaan.

PELBAGAI

Bila Lembaga Perubatan boleh dipanggil

27. Bersesuaian dengan peruntukan perbekalan cuti universiti dan Skim Kemudahan Perubatan UMT, Lembaga Perubatan boleh dipanggil apabila;
 - 27.1 seseorang kakitangan didapati masih tidak sihat setelah menghabiskan semua cuti sakit biasanya
 - 27.2 seorang pegawai perubatan berpendapat bahawa tiada harapan untuk pegawai tersebut bertugas
 - 27.3 tiap-tiap tahun dalam tempoh 3 tahun berturut-turut pegawai telah bercuti sakit sebanyak 45 hari atau lebih
 - 27.4 Kesiuman otak atau kesihatan badan pegawai diragukan
 - 27.5 Pegawai tercedera semasa bertugas
 - 27.6 Pegawai menghidap penyakit tibi, kusta atau barah
 - 27.7 Pegawai atau keluarganya perlu diperiksa untuk mendapatkan rawatan di luar negara kerana tiada rawatan sedemikian di dalam negeri.

Kes-kes luar biasa

28. Naib Canselor boleh membuat keputusan tentang sesuatu kes luar biasa yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Skim ini atau merujuk kes itu kepada Lembaga.

Pindaan dsb.

29. Lembaga berhak meminda, mengubahsuai, membatalkan atau membuat semula Skim ini pada bila-bila masa mengikut budibicaranya.

Jadual 1

Kumpulan/ Gred	Kelayakan wad
Pengurusan Tertinggi	Kelas 1 Bilik Seorang
45 – 54	Kelas 1 Bilik Seorang
31 – 44	Kelas 1 Bilik Berdua
21 – 30	Kelas 1 Bilik Bertiga
1 – 20	Kelas 2

Rujukan:

1. Perintah Am Bab F
2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009
3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2010